



27 Jun 2018
27 June 2018
P.U. (B) 355

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) prosiding jenayah yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing, iaitu kesalahan di bawah seksyen 314 dan 510 Kanun Keseksaan Maldives telah dimulakan di Republik Maldives, suatu Negara asing;
- (b) Pejabat Pendakwa Raya Republik Maldives telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Republik Maldives; dan
- (d) Peguam Negara telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Republik Maldives berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Republik Maldives tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 19 Jun 2018
[PN(R)152/185/29/98-1; PN(PU2)628/XI]

TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) criminal proceedings relating to a criminal matter involving foreign serious offences, that are offences under sections 314 and 510 of the Maldives Penal Code have commenced in the Republic of Maldives, a foreign State;
- (b) the Prosecutor General's Office of the Republic of Maldives has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to the Republic of Maldives; and
- (d) the Attorney General has recommended that mutual assistance be given to the Republic of Maldives in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, the Prime Minister, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of the Republic of Maldives an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 19 June 2018
[PN(R)152/185/29/98-1; PN(PU2)628/XI]

TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Prime Minister